

# Bajet 2022 mampu bantu ekonomi bangkit semula

BH - 1/11/2021 m/s: 43

**Pendekatan inklusif pastikan daya tahan hadapi cabaran pasca COVID-19**

Oleh Mahanum Abdul Aziz  
mahanum\_aziz@bh.com.my

Bajet 2022 secara keseluruhannya adalah positif dengan pendekatan menyeluruh untuk menyokong rakyat dan perniagaan pulih daripada impak negatif pandemik COVID-19, namun masih terdapat ruang untuk penambahbaikan, demikian kata penganalisis.

Ketua Ahli Ekonomi AmBank Research, Dr Anthony Dass, berkata dengan tumpuan kepada usaha pemulihan ekonomi jangka pendek, Bajet 2022 kekal membantu rakyat dan perniagaan, membina pertumbuhan baharu serta memastikan pertumbuhan mapan dalam persekitaran yang masih mencabar dan tidak menentu.

Beliau berkata, pada masa yang sama, Bajet 2022 juga menjadi bajet pertama di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12), justeru langkah yang dilaksanakan mencartakan laluan dan menyokong keseluruhan matlamat rancangan lima tahun itu.

Katanya, peningkatan 22.5 peratus perbelanjaan pembangunan kasar kepada RM75 bilion dalam Bajet 2022 akan memberi manfaat

**BAJET**  
**2022**  
Keluarga Malaysia, Makmur Sejahtera

kepada aktiviti pembinaan dan infrastruktur serta perdagangan dan industri.

“Kami jangka ekonomi domestik pulih pada 2022 dan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) berkembang antara 5.4 hingga 6 peratus, sementara Bajet 2022 meninjau pada paras 5.5 hingga 6.5 peratus.

“Pemulihan domestik akan memainkan peranan penting dipacu penggunaan swasta, peningkatan beransur-ansur dalam pasaran pekerjaan, meningkatkan sentimen pengguna, liputan vaksinasi yang lebih baik, pembukaan semula ekonomi dan sempadan, peningkatan permintaan mendadak dan peningkatan secara beransur-ansur dalam pelaburan swasta dengan sokongan

lebih besar daripada perbelanjaan awam,” katanya dalam nota penyelidikannya.

Ketua Penyelidik TA Securities, Kaladher Govindan, berkata Bajet 2022 mempunyai langkah yang baik untuk meningkatkan kesejahteraan rakyat, memastikan daya tahan perniagaan dan mencapai ekonomi yang makmur dan mapan.

Beliau berkata, langkah itu sejajar dengan pandangan memenuhi pelbagai strategi yang berkaitan bidang tumpuan dan semangannya cukup menyeluruh.

“Inisiatif seperti bantuan tunai yang disasarkan, penciptaan peluang pekerjaan, mengurangkan kos sara hidup, menambah baik akses kepada pengangkutan awam, menaik taraf infrastruktur luar bandar dan sebagainya akan mempunyai kesan berpanjangan kepada banyak sektor,” katanya dalam nota penyelidikannya.

Sementara itu, Ketua Pelaburan dan Perancangan Kewangan UOB Kay Hian Wealth Advisors, Mohd Sedek Jantan, berkata secara kese-

luruhannya, Bajet 2022 sangat inklusif, tetapi masih terdapat ruang untuk penambahbaikan.

Beliau berkata, dalam keadaan COVID-19 yang memasuki fasa endemik, objektif Bajet 2022 perlu selaras dengan pelan pemulihan dan RMK12 dan peruntukan perlu diberi kepada sektor yang tepat bagi membawa Malaysia keluar dari krisis ekonomi yang disebabkan COVID-19.

“Golongan rentan perlu diberi perhatian. Istilah rentan adalah golongan yang benar-benar terkesan pandemik. Adakah golongan yang mempunyai pendapatan RM5,000 boleh dikategorikan sebagai golongan rentan.

“Tambahannya bantuan RM500 kepada ibu atau bapa tunggal yang mempunyai anak adalah inisiatif yang baik.

“Namun, mengapa had maksimum pendapatan tidak dikurangkan daripada RM5,000 kepada RM3,000.

“Pendapatan RM5,000 cukup mewah di kawasan luar ibu kota dan pendapatan RM3,000 boleh dikategorikan sebagai pendapatan sederhana,” katanya.

Mohd Sedek berkata, insentif pengajian JaminKerja, Malaysia Short-term Employment Programme atau MySTEP untuk sektor awam dan badan berkanun dapat memberi peluang pekerjaan kepada mereka yang terkesan pandemik dan pada masa yang sama dapat mengurangkan kos pengoperasian syarikat yang kebanyakannya mengalami kenaikan akibat harga pasaran bahan mentah.

Beliau berkata, kadar pe-

ngangguran dijangka berkurangan kepada antara 4 hingga 3.8 peratus pada 2022 berbanding pada masa ini iaitu 4.6 peratus pada Ogos 2021 berbanding 4.8 peratus pada sebelumnya.

Namun, beliau berkata, bagi mendapatkan kadar pengangguran kembali ke paras sebelum pandemik iaitu 3.3 peratus yang dicatatkan pada Februari 2019 adalah agak sukar memandangkan jika penularan COVID-19 menjadi aktif kembali, kadar pengangguran akan berada pada paras 4.2 peratus.

Dalam menangani isu doktor kontrak, Mohd Sedek berkata, walaupun kerajaan melanjutkan tempoh khidmat wajib selama dua tahun kepada maksimum empat tahun dan pemberian biasiswa pengajian pasca siswazah dilihat tidak menyelesaikan isu itu.

Beliau berkata, isu berkenaan perlu diurus daripada peringkat akar umbi iaitu menetapkan jumlah kemasukan program perubatan di institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dan swasta (IPTS).

Katanya, dari segi ekonomi, pemberian biasiswa pasca siswazah kepada doktor kontrak tidak membantu negara dalam memulihkan ekonomi negara, sebaliknya kerajaan perlu mengurangkan jurang keistimewaan yang diperoleh antara pegawai perubatan dan doktor kontrak.

“Selain itu, pihak universiti khususnya hospital swasta perlu mempunyai hospital pengajar sendiri bagi menyerap jumlah doktor yang dilahirkan oleh mereka,” katanya.

**Kami jangka ekonomi domestik pulih pada 2022 dan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) berkembang antara 5.4 hingga 6 peratus, sementara Bajet 2022 meninjau pada paras 5.5 hingga 6.5 peratus.**

**Anthony Dass,**  
Ketua Ahli Ekonomi AmBank Research

